

# 初中一年级新生入学考试

(2021)

## 国文作文

( 30 minit )

Arahan : Tulis sebuah karangan tentang SATU daripada perkara di bawah.  
Panjang karangan anda hendaklah antara 100 hingga 120 patah perkataan.

### **Soalan 1**

Tulis sebuah karangan yang bertajuk ‘Peristiwa Gembira yang Tidak Dapat Saya Lupakan’.

***ATAU***

### **Soalan 2**

Tulis sebuah karangan yang bertajuk ‘Kegunaan Telefon Pintar dalam Kehidupan’.

# 初中一年级新生入学考试

( 2021年 )

## 国文语文测试

( 40 分钟 )

*Arahan:*

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Antaranya, ada satu sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan itu. Kemudian, tandakan jawapan anda pada kertas jawapan. Hitamkan ruangan yang sama dengan jawapan yang anda pilih.

**Soalan 1 hingga soalan 5**

*Teliti jadual di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.*

Senarai Harga Makanan di Gerai-gerai Pilihan  
di Sekitar Bandar Muar, Johor

Jenis makanan	Gerai			
	Gerai Mesra	Gerai Pak Tua	Gerai Murni	Gerai Mak Uda
Nasi Goreng Cendawan	RM 5.00	RM 4.50	RM 4.50	RM 3.00
Nasi Goreng USA	RM 8.00	RM 7.00	RM 7.00	RM 5.50
Nasi Goreng Kampung	RM 3.50	RM 3.00	RM 3.50	RM 2.50
Nasi Goreng Ikan Masin	RM 4.00	RM 4.00	RM 4.00	RM 3.50
Nasi Ayam Madu	RM 5.00	RM 4.00	RM 4.50	RM 4.00
Nasi Goreng Daging Merah	RM 5.00	RM 5.00	RM 5.00	RM 5.00

- Antara berikut, makanan manakah yang dikenakan harga yang sama?  
A Nasi goreng ikan masin      B Nasi goreng kampung  
C Nasi goreng daging merah      D Nasi goreng USA
- Gerai manakah yang meletakkan harga paling mahal?  
A Gerai Mesra      B Gerai Pak Tua  
C Gerai Murni      D Gerai Mak Uda
- Andaikan kamu mempunyai jumlah ahli keluarga yang banyak, gerai manakah yang menjadi pilihan kamu untuk makan malam agar dapat menjimatkan wang?  
A Gerai Mesra      B Gerai Pak Tua  
C Gerai Murni      D Gerai Mak Uda

4. Jika kamu memesan dua pinggan nasi goreng cendawan, sepinggan nasi goreng daging merah dan tiga pinggan nasi ayam madu di Gerai Mesra, berapakah jumlah wang yang perlu dibayar?  
A RM 15                    B RM 20                    C RM 25                    D RM 30
5. Berikut ialah ciri-ciri pemilihan gerai oleh pelanggan, **kecuali**  
A menyediakan pelbagai jenis makanan.  
B menjual makanan yang segar dan bersih.  
C makanan yang dijual pada harga yang tinggi.  
D makanan yang dijual pada harga yang berpatutan.

### Soalan 6 hingga soalan 10

*Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Swee Lin baru sahaja selesai mengemas rumah. Tadi, dia menyapu lantai dan menyusun majalah-majalah yang berselerak. Kemudian, dia mencuci pinggan mangkuk yang kotor.

Setelah semua tugasnya selesai, Swee Lin berehat di ruang tamu. Dia mengambil senaskah surat khabar dan membaca tajuk demi tajuk. Kemudian, dicubanya membaca ayat-ayat itu. Walaupun Swee Lin tidak begitu memahami cerita yang terdapat dalam surat khabar itu, dia tekun membacanya.

“Apa yang dibuat oleh Swee Lin itu? Khusyuk benar nampaknya,” kata Mei Mei kepadaku. Ketika itu kami berdua sedang mengintip perlakuan Swee Lin dari balik dinding ruang tamu. “Swee Lin tengah membaca surat khabar,” jawabku. “Itu surat khabar bahasa Inggeris, bukan? Sejak bila Swee Lin membaca surat khabar berbahasa Inggeris?” tanya Mei Mei lagi.

Sepupuku itu nampaknya hairan melihat hobi baharu Swee Lin. Apa tidaknya, Swee Lin hanya belajar sampai darjah lima. Keluarganya tidak mampu hendak menyekolahkan Swee Lin kerana miskin. Sekarang, Swee Lin bekerja sebagai pembantu rumah di rumahku. “Walaupun Swee Lin tidak berpelajaran tinggi, dia rajin menimba ilmu. Dia rajin bertanya kepada ibu dan kakakku,” balasku pula.

“Sikap Swee Lin itu harus kita jadikan contoh, barulah kita akan mendapat kejayaan.” Mei Mei tersenyum memandangku. Kami segera masuk ke bilik dan tidak mahu mengganggu Swee Lin.

6. Siapakah Swee Lin dalam cerita ini?  
A Sepupu ‘aku’                    B Orang gaji ‘aku’  
C Kawan ‘aku’                    D Jiran ‘aku’
7. Berikut merupakan tugas-tugas yang dilakukan oleh Swee Lin **kecuali**  
A menyiram pokok bunga.                    B mencuci pinggan.  
C menyusun majalah.                    D menyapu lantai.
8. Apakah yang dilakukan oleh Swee Lin selepas semua tugasnya selesai?  
A Swee Lin tidur                    B Swee Lin membaca majalah  
C Swee Lin membaca surat khabar                    D Swee Lin mengelap lantai

9. Mengapakah Swee Lin tidak meneruskan persekolahannya?  
A Kerana dia malas belajar                           B Kerana keluarganya miskin  
C Kerana dia tidak suka ke sekolah               D Kerana dia gagal dalam peperiksaan
10. Pada pendapat anda, mengapakah Swee Lin membaca surat khabar bahasa Inggeris?  
A Swee Lin ingin mengisi masa lapang  
B Swee Lin gemar membaca surat khabar  
C Swee Lin ingin mengetahui berita semasa  
D Swee Lin ingin mempelajari bahasa Inggeris

### Soalan 11 hingga soalan 15

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jika anda ke negeri Kedah jangan lupa berkunjung ke Hutan Rekreasi Bukit Wang. Hutan rekreasi ini terletak tidak berapa jauh dari pekan Jitra. Di sini, terdapat aliran air terjun yang cantik datangnya dari puncak bukit. Menurut cerita penduduk tempatan, rimba ini dinamakan Bukit Wang kerana maksudnya sama dengan air terjun. Rimba ini terletak di dalam kawasan hutan simpan Bukit Perangin. Di hutan simpan ini juga terdapat beberapa buah bukit, seperti Bukit Bertam, Bukit Besar, dan Bukit Hangus. Jalan untuk mengembara di hutan ini telah disediakan agar anda tidak akan sesat.

Bagi yang berminat mendaki, anda boleh mendaki puncak Bukit Besar. Di sepanjang perjalanan, anda akan dapat melihat banyak hidupan liar yang menarik. Tiupan anginnya amat **menyegarkan**. Anak sungai di Bukit Wang dipenuhi batu-batan. Air sungainya dahulu diempang dan dimasukkan ke dalam kolam untuk dibekalkan kepada penduduk tempatan.


Bagi pengunjung yang datang dari jauh, pelbagai kemudahan telah disediakan. Terdapat pondok-pondok kecil untuk berehat. Terdapat juga taman permainan kanak-kanak dan gelanggang kasut roda. Tandas dan bilik persalinan juga ada disediakan. Bagi pengunjung yang beragama Islam, surau disediakan untuk beribadat. Gerai-gerai pula dibuka pada hari-hari perayaan dan cuti umum sahaja. Anda boleh membawa bekalan sendiri. Bagi yang berminat untuk berkhemah dan bermalam, anda boleh memohon kebenaran daripada Jabatan Hutan Negeri Kedah Utara terlebih dahulu.

11. Di manakah letaknya Rimba Rekreasi Bukit Wang?  
A Bukit Perangin   B Bukit Hangus   C Bukit Bertam   D Bukit Besar
12. Jalan-jalan hutan disediakan untuk membolehkan ...  
A pengunjung melawat taman rekreasi.  
B pengunjung mengembara ke hutan.  
C pengembara pergi ke tempat perkhemahan.  
D pengunjung melihat hidupan liar.
13. Apakah aktiviti yang perlu mendapat kebenaran daripada Jabatan Hutan Negeri Kedah Utara?  
A Menjual makanan                                   B Menggunakan gelanggang kasut roda  
C Berkhemah dan bermalam                       D Memancing ikan dan mandi-manda



想要询问其他年级或更多有关免费试课的详情，欢迎联络我们(011-2818 3030)哟！

[https://wa.link/l1h4e2?utm\\_medium=pdf&utm\\_source=pdf\\_ad&utm\\_campaign=cis\\_entrance\\_exam](https://wa.link/l1h4e2?utm_medium=pdf&utm_source=pdf_ad&utm_campaign=cis_entrance_exam)



如果您有试卷想要提供，欢迎私信我们的面子书专页 [【30 网校】](#)，或者电邮至：[hi@30.com.my](mailto:hi@30.com.my)

14. Perkataan **menyegarkan** dalam petikan di atas membawa maksud  
A mengindahkan    B menyamankan    C menyejukkan    D menyedapkan
15. Berikut ialah tujuan pelbagai kemudahan disediakan di Hutan Rekreasi Bukit Wang **kecuali**  
A untuk pengunjung berehat.  
B untuk pengunjung menjalankan aktiviti riadah.  
C untuk pengunjung beragama Islam beribadat.  
D untuk pengunjung berbarbeku

**Soalan 16 hingga soalan 30**

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

16. \_\_\_\_\_ hari kejadian itu, saya masih berada di sekolah.  
A Dari                      B Di                      C Pada                      D Daripada
17. Pengarah Pelajaran Negeri Selangor telah dijemput untuk menyampaikan hadiah \_\_\_\_\_ murid-murid yang cemerlang dalam akademik.  
A kepada                      B untuk                      C pada                      D daripada
18. Yang Amat Berhormat Tuan Haji Khamel tiba di perkarangan balai raya. \_\_\_\_\_ disambut dengan paluan kompong oleh penduduk kampung.  
A Dia                              B Saya                      C Beliau                      D Baginda
19. “Jalan itu curam dan licin. Jadi, \_\_\_\_\_ perlu berhati-hati,” kata jurupandu itu kepada para peserta ekspedisi.  
A awak                              B saya                      C kami                      D kita
20. Pemandu kereta api itu membunyikan hon dengan \_\_\_\_\_ apabila hampir sampai di stesen.  
A nyaring                              B bising                      C riuh                      D kuat
21. Baju abang terkena beberapa \_\_\_\_\_ dakwat hitam.  
A tangkai                              B ulas                      C titik                              D pucuk
22. “\_\_\_\_\_, budak ini rupa-rupanya yang telah mencuri buah jambuku!” bisik hati Pak Cik Halim.  
A Amboi                              B Hai                              C Wah                              D Oh
23. \_\_\_\_\_ kah kamu tidak menghadiri kelas tambahan Matematik semalam?  
A Mengapa                              B Apa                              C Bagaimana                      D Ke mana
24. \_\_\_\_\_ kah pendapatan Encik Fitri selepas dinaikkan pangkat?  
A Bagaimana                              B Apa                              C Berapa                              D Bila
25. “\_\_\_\_\_, padamkan papan putih,” kata Cikgu Rasyid kepada Hamid.  
A Sila                                      B Tolong                              C Harap                              D Jemput

26. \_\_\_\_\_ kamu tidak berputus asa kerana kalah dan menang itu adat dalam pertandingan.  
A Harap              B Usah              C Minta              D Tolong
27. Zanatul berasa bimbang kerana namanya \_\_\_\_\_ dipanggil dalam sesi temu duga itu walaupun hari sudah petang.  
A masih belum      B sudah pernah      C belum pernah      D masih sedang
28. Penduduk kampung itu berjaya \_\_\_\_\_ ular sepanjang enam meter.  
A menjala            B menangkap          C membela            D menahan
29. Jika tinggal di kampung, kita dapat mendengar kicauan burung dan \_\_\_\_\_ cengkerik.  
A suara              B siulan              C bunyi              D lagu
30. Kakak Sin Fen bekerja sebagai \_\_\_\_\_ di Bank Rakyat.  
A juruselam          B juruhebah          C juruulas          D juruwang


**Soalan 31 hingga soalan 32 berdasarkan gambar 1.**



Gambar 1

31. Budak-budak lelaki itu masih bermain bola di padang \_\_\_\_\_ hujan turun dengan renyai-renyai.  
A jika              B tetapi              C walaupun              D kerana
32. Budak-budak lelaki itu akan jatuh sakit \_\_\_\_\_ terus bermain dalam hujan.  
A jika              B kerana              C tetapi              D walaupun

**Soalan 33 hingga soalan 34 berdasarkan gambar 2.**



Gambar 2

33. Periuk kera ialah sejenis pokok renek yang dapat \_\_\_\_\_ sehingga tujuh meter.  
A panjat            B memanjang          C terpanjang          D dipanjang
34. Serangga yang \_\_\_\_\_ di dalam periuk kera ini akan mati.  
A perangkap        B merangkap          C terperangkap        D tangkap

### **Soalan 35 hingga soalan 36**

*Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat di bawah ini.*

35. Murid yang \_\_\_\_\_ mudah berjaya dalam peperiksaan.  
A otak cair      B berat mulut      C buta huruf      D otak udang
36. "Minggu lepas, ayah membawa kami pergi \_\_\_\_\_ di Tasik Chini," kata Anita.  
A makan angin      B cangkul angin      C naik angin      D khabar angin

### **Soalan 37 hingga soalan 38**

*Pilih ayat pasif yang betul.*

37. Nora telah menyanyikan lagu joget asli itu.  
A Lagu joget asli itu telah Nora nyanyikan.  
B Lagu joget asli itu telah dinyanyikan oleh Nora.  
C Nora joget asli itu telah dinyanyikan oleh lagu.  
D Lagu Nora itu telah dinyanyikan oleh joget asli.
38. Saya telah menyimpan buku itu di dalam almari.  
A Buku itu telah saya simpan di dalam almari.  
B Buku itu telah disimpan oleh saya di dalam almari.  
C Buku itu di dalam almari telah saya simpan.  
D Buku itu telah disimpan di dalam almari oleh saya.

### **Soalan 39**

*Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata yang bergaris dengan betul.*

- I Matahari akan masuk pada sebelah petang.  
II Saya tidak mahu masuk campur dalam pergaduhan mereka.  
III Ayah masuk ke dalam bilik lalu tidur.  
IV Idea-idea yang dikemukakannya itu tidak masuk akal.  
A I dan II      B II dan III      C I, II dan III      D II, III dan IV

### **Soalan 40**

*Pilih ayat yang betul.*

- A Ramai murid-murid tidak lulus dalam ujian Matematik.  
B Julaiha gembira sungguh kerana dipilih sebagai ketua kelas.  
C Sungai yang paling terpanjang di Malaysia ialah Sungai Rajang.  
D Si Wai mendapat tempat lima dalam perlumbaan itu.

\*\*\*\*\* SOALAN TAMAT. SEMOGA BERJAYA \*\*\*\*\*

## 国文科答案：

1.C	2.A	3.D	4.D	5.C	6.B	7.A	8.C	9.B	10.D
11.A	12.B	13.C	14. B	15.D	16. C	17.A	18.C	19.D	20.D
21.C	22. D	23 .A	24.C	25.B	26.A	27.A	28.B	29.C	30.D
31.C	32. A	33.B	34.C	35.A	36. A	37.B	38.A	39.D	40.B